

NO. DOKUMEN : JKNJ – G – AK 13

**ARAHAN KERJA : PEMONITORAN UJIAN PETUNJUK BIOLOGIKAL BAGI
AUTOKLAF**

No. Salinan Kawalan :

Dikeluarkan Kepada :

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PP/JP	A. PERSEDIAAN AWAL
PPP/PPK	1. Sediakan Jadual Perancangan dan Pelaksanaan Pemonitoran Ujian Petunjuk Biologikal.
	2. Dapatkan bekalan ampul petunjuk biologikal daripada Pegawai Stor.
PPP/PPK	B. TATACARA PELAKSANAAN UJIAN BIOLOGIKAL
	1. Pastikan anggota memakai PPE yang sesuai dengan prosedur kerja.
	2. Pastikan autoklaf telah menjalani satu kitaran pensterilan tanpa peralatan sebelum penggunaan harian.
PPP/PPK	3. Semak tempoh inkubasi dan warna petunjuk biologikal serta tarikh luput ampul yang digunakan.
	4. Labelkan ampul petunjuk biologikal. Labelkan 'C' untuk ampul control dan No. 1,2,3,4 mengikut bilangan autoklaf pada ampul petunjuk biologikal.
PPP/PPK	5. Ampul petunjuk biologikal perlu di <i>Pouch</i> atau <i>non-Pouch</i> sebelum steril (mengikut jenis autoklaf yang digunakan)
PPP/PPK	6. Tempatkan ampul petunjuk biologikal di kawasan yang bertekanan rendah dalam autoklaf (bahagian hadapan

NO. DOKUMEN : JKNJ – G – AK 13

**ARAHAN KERJA : PEMONITORAN UJIAN PETUNJUK BIOLOGIKAL BAGI
AUTOKLAF**

JT/PPP/PPK	pintu) bersama peralatan yang akan disteril.
	7. Laksanakan proses pensterilan.
	8. Keluarkan ampul petunjuk biologikal dari autoklaf selepas 5 minit kitaran pensterilan selesai.
	9. Biarkan ampul menyejuk ke suhu bilik dalam tempoh maksimum 2 jam.
PPP/PPK	10. Masukkan ampul petunjuk biologikal (<i>control</i> dan ampul lain) dari <i>batch</i> yang sama dalam inkubator untuk proses inkubasi mengikut tempoh yang ditetapkan (ikut arahan pengeluar).
	11. Labelkan tarikh, masa mula dan masa berakhir pada inkubator dan suis plug, supaya suis tidak ditutup sepanjang tempoh inkubasi.
	12. Tunjukkan keputusan ampul petunjuk biologikal kepada penyelia untuk pengesahan sebelum merekod keputusan di dalam Borang Rekod Pemonitoran Biologikal Autoklaf (BKPJ-BK-AK13-1).
	13. Pastikan ampul <i>control test</i> dan ampul yang menunjukkan keputusan petunjuk biologikal positif dimasukkan ke dalam <i>pouch</i> dan disteril di bahagian bertekanan tinggi dalam autoklaf sebelum dibuang ke dalam tong sisa tajam. Ampul petunjuk biologikal dengan keputusan negatif dibuang ke dalam tong sisa tajam.
	14. Sekiranya terdapat autoklaf dengan keputusan ujian petunjuk biologikal positif, ulangi ujian tersebut sekali lagi. Jika keputusan masih positif, buat aduan

NO. DOKUMEN : JKNJ – G – AK 13

**ARAHAN KERJA : PEMONITORAN UJIAN PETUNJUK BIOLOGIKAL BAGI
AUTOKLAF**

	kerosakan dengan mengisi borang aduan kerosakan. 15. Selepas pembaikan autoklaf, lakukan ujian petunjuk biologiikal untuk mengesahkan status penggunaan sebelum autoklaf tersebut digunakan. Nota: Pemerhatian selepas pengeraman / inkubasi seperti berikut: i. Perubahan warna ungu ke kuning (positif – menunjukkan terdapat pertumbuhan vegetatif – menunjukkan pensterilan tidak berkesan) ii. <i>Control test</i> akan menunjukkan keputusan positif. iii. Tiada perubahan warna – kekalkan ungu (negatif – menunjukkan pertumbuhan vegetatif tidak berlaku – menunjukkan pensterilan berkesan).
--	---

	JAWATAN	TANDATANGAN
Disediakan oleh:	PN ROSAIDA BINTI JASAD Juruterapi Pergigian U7	
Diluluskan oleh:	DATIN DR NAZITA BINTI YAACOB Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)	